

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2009/2010**


NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN : BBE 1043
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN
DENGAN MENGGUNAKAN
BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN.
KERTAS SOALAN TIDAK BOLEH
DIBAWA KELUAR DARI DEWAN
PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 17 MUKA SURAT

SULIT

- S1 WiMAX merupakan kemudahan Internet yang lebih canggih daripada WiFi. WiMAX merujuk kepada,
- A *Wireless Maximum.*
 - B *WorldWide Maximum Usage.*
 - C *Wire Manipulating Access Externally.*
 - D *WorldWide Interoperability for Microwave Access.*
- S2 Taksonomi Belajar tahap afektif berikut telah disusun dengan betul.
- A penerimaan, pemberian respon, penilaian, pengelolaan, penghayatan.
 - B penerimaan, pengelolaan, penilaian, pemberian respon, penghayatan.
 - C penilaian, penghayatan, pengelolaan, penerimaan, pemberian respon.
 - D penilaian, pengelolaan, penghayatan, penerimaan, pemberian respon.
- S3 Teknologi Pengajaran berbeza daripada Teknologi Pendidikan, kerana,
- A Teknologi Pengajaran menekankan kepada saluran yang digunakan dan lokasi yang dipilih untuk aplikasi saluran tersebut.
 - B Teknologi Pengajaran merujuk kepada media, alat serta proses yang diaplikasikan untuk memantapkan sesuatu proses pengajaran.
 - C Teknologi Pengajaran merujuk kepada pembentukan kurikulum yang menjelaskan kaedah pengajaran untuk setiap komponen di dalam sesuatu program pendidikan.
 - D Teknologi Pengajaran merujuk kepada tahap aplikasi teknologi komputer dalam penyampaian sesuatu sesi pengajaran yang kompleks.
- S4 C.R.Carpenter dan Edgar Dale menegaskan kepentingan teknik ULANGAN dan STIMULI dalam proses pembelajaran. Kenyataan berikut adalah benar mengikut pandangan mereka berdua.
- A Ulangan merupakan stimuli pembelajaran.
 - B Ulangan mempertingkatkan kefahaman dan Stimuli mengekalkan ingatan.
 - C Ulangan digunakan untuk pengajaran yang kompleks dan Stimuli digunakan untuk pengajaran yang mudah.
 - D Ulangan melambatkan sesuatu sesi pengajaran dan Stimuli digunakan sewaktu kelas tambahan.
- S5 Sekiranya anda ingin mereka bentuk bahan elektronik untuk penggunaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori konstruktif, ciri-ciri berikut perlu diintegrasikan kecuali
- A interaktif.
 - B *non-linear.*
 - C berpusatkan pelajar.
 - D berwarna-warni.

S6 - S9 merujuk kepada rajah S6.




Rajah S6 Model komunikasi Schramm

- S6 Memahami proses komunikasi akan membantu guru mereka bentuk instruksi yang
- efektif dan efisien.
 - mudah dan murah.
 - mudah ke kompleks.
 - meliputi skop kurikulum.
- S7 Apakah yang berlaku pada proses X?
- Penyampaian Maklumat Penting
 - Penyusunan Maklumat
 - Penyediaan Kemudahan
 - Penyelidikan Bahan Sokogan.
- S8 Proses yang terlibat dengan aktiviti Z akan mengenal pasti perkara berikut kecuali
- bagaimana pelajar menerima pengajaran guru.
 - keberkesanan sesuatu sesi pengajaran.
 - keadaan kesihatan pelajar semasa menerima pengajaran.
 - kelemahan guru dalam penyampaian pengajarannya.
- S9 Berdasarkan kepada rajah S6, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan berlaku di persekitaran yang bertanda
- M
 - N
 - O
 - Z

- S10 Cikgu Rahman yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Kebun Teh, Felda Alor Akar ingin membesarkan sebanyak lima kali ganda sesuatu grafik yang terdapat dalam bukunya. Cadangan yang paling sesuai untuk situasi Cikgu Rahman ialah
- A melukiskannya dengan bantuan tali sebagai alat ukuran.
 - B fotostat dan memperbesarkan objek tersebut mengikut saiz yang dikehendaki.
 - C menggunakan kaedah grid (The Grid Method) untuk membesarkan dan melukiskan objek tersebut.
 - D menggunakan projektor untuk menayangkan objek tersebut dan melukiskannya mengikut tayangan tersebut.
- S11 Panduan untuk tayangan LCD yang paling sesuai untuk penglihatan pelajar yang duduk di barisan belakang ialah 6 PW. Maksud 6 PW ialah
- A meletakkan 6 barisan pelajar sahaja.
 - B mendarab lebar tayangan LCD dengan 6.
 - C membesarkan tayangan LCD sebanyak 6 kali mengikut saiz bilik darjah.
 - D meletakkan pelajar di barisan belakang dengan mengambil kira jarak 6 orang pelajar yang berada di hadapannya.
- S12 Ahmad sedang mengajar mata pelajaran Keusahawanan dengan penggunaan perisian Powerpoint. Dalam keadaan yang terdesak, Ahmad ingin menayangkan gambar-gambar jenis perniagaan dengan menggunakan fungsi Powerpoint. Pilih turutan yang betul mengenai penggunaan fungsi Powerpoint tersebut.
- A *Insert – picture – from file – new photo album*
 - B *Insert – picture – from file – select all*
 - C *Insert – picture – clip art – select all*
 - D *Insert – picture – new photo album – insert picture from file*

S 13 – S16 merujuk kepada rajah berikut.




Rajah S13: Flip Chart

Flip Chart ini sedang digunakan dalam sesi pengajaran. Tiga helai pertama telah digunakan. Padankan maklumat S13 – S16 dengan lokasi strategiknya pada *flip chart* rajah S13.

- | | | |
|-----|--|---|
| S13 | No Helaian dan tajuk ringkas helaian ketiga | A B C D |
| S14 | Maklumat ringkas helaian akan datang | A B C D |
| S15 | Maklumat untuk Guru/Pensyarah | A B C D |
| S16 | Kaedah yang digunakan oleh <i>Flip Chart</i> rajah S13 mempunyai ciri-ciri berikut kecuali | |
| | A | helaian disusun dengan helaian pertama di bawah sekali. |
| | B | helaian diselak dari belakang ke hadapan. |
| | C | nota untuk helaian keempat berada pada belakang helaian kelima. |
| | D | jumlah helaian yang paling banyak untuk sesuatu tajuk ialah 10. |


S17 – S20 merujuk kepada rajah S17.



Rajah S17 Simbol Operasi Digital Powershot G3 Canon

- S17 Simbol manakah yang membenarkan pengambilan gambar secara *close-up*.
- S18 Simbol manakah yang membenarkan penyelarasan warna supaya warna gambar yang diambil mencerminkan warna objek yang sebenar.
- S19 Simbol manakah yang membolehkan penyelarasan kepada nilai pendedahan foto.
- S20 Simbol manakah yang membenarkan penukaran kepada lensa dalaman untuk pengambilan foto pemandangan yang luas.
- S21 Dari segi teminologi fotografi, '*focal length*' merujuk kepada
- A jarak di antara kanta dengan objek.
 - B jarak di antara subjek dengan latar belakang.
 - C jarak di antara kanta dengan filem dalam kamera.
 - D jarak di antara tengah kanta dengan '*film plane*'.
- S22 Dalam proses reka bentuk bahan pengajaran, objektif reka bentuk perlu ditulis mengikut format ABCD. ABCD merujuk kepada
- A. *Attention, Behaviour, Control, Develop.*
 - B. *Attention, Be patient, Control, Design.*
 - C. *Addition, Be prepare, Critical, Division.*
 - D. *Audience, Behaviour, Condition, Degree.*

S23-S25 merujuk kepada rajah S23.



Rajah S23: Penggunaan Transparensi

S23 Teknik penggunaan transparensi yang ditunjukkan oleh rajah S23 ialah

- A *Overlays.*
- B *Masking.*
- C *Revelation.*
- D *Sectioning.*


S24 Teknik yang ditunjukkan oleh rajah S23 mempunyai ciri-ciri penggunaan efektif berikut kecuali

- A memudahkan penjelasan perkembangan yang kompleks.
- B mengujudkan pengajaran dan pembelajaran yang interaktif.
- C membolehkan pendekatan yang berpusatkan pelajar.
- D boleh digunakan untuk penjelasan konsep secara konstruktif.

S25 Penggunaan teknik yang ditunjukkan oleh S23 mempunyai hadnya iaitu

- A tidak menggunakan lebih daripada 5 helaiian transparensi.
- B tidak boleh digunakan untuk kumpulan yang melebihi 20 orang.
- C tidak boleh digunakan untuk perbincangan kumpulan.
- D tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang lebih daripada 30 minit.

S26 – S27 merujuk kepada rajah S26.



Rajah S26: Lokasi Bilik Tayangan


S26 Berpandukan kepada *picture's width*(PW), sekiranya lebar gambar yang ditayangkan ialah 5 kaki, pelajar yang berada di lokasi X seharusnya..... daripada skrin tayangan supaya tidak terasa letih semasa menonton.

- A 20 kaki
- B 15 kaki
- C 10 kaki
- D 5 kaki

S27 Berpandukan kepada *picture's width*(PW), sekiranya lebar gambar yang ditayangkan ialah 5 kaki, pelajar yang berada di lokasi Y tidak seharusnya jauh daripada untuk penglihatan yang jelas.


- A 35 kaki
- B 40 kaki
- C 45 kaki
- D 50 kaki

- S28 Pilih kenyataan yang salah mengenai reka bentuk transparenasi secara umum.
- A Transparenasi harus dinomborkan.
 - B Saiz huruf yang paling sesuai ialah 18 poin.
 - C Hadkan nota atau rajah yang mustahak sahaja.
 - D Perlu dedahkan transperansi kepada cahaya kerana cepat berkelat.
- S29 Multimedia mempunyai komponen-komponen berikut,
- A interaktiviti, teks, komputer dan animasi.
 - B komunikasi, komputer, pengguna dan dvd.
 - C komunikasi, teks, grafik, audio, animasi dan video.
 - D interaktiviti, teks, grafik, audio, animasi dan video.
- S30 Mengapa multimedia menjadi sesuatu yang penting dalam bidang pendidikan masa kini?
- A Multimedia menyeronokan pembelajaran.
 - B Multimedia menyebabkan pelajar kurang bertanyakan guru.
 - C Interaktiviti multimedia membenarkan pelajar mengawal pembelajarannya.
 - D Komunikasi dua hala di antara pelajar dengan komputer mengurangkan masalah disiplin.
- S31 Beberapa kepingan transparenasi yang dilekatkan ke atas satu sama lain pada satu bingkai. Teknik ini dikenali sebagai
- A teknik tingkap.
 - B teknik tindih.
 - C teknik timbun.
 - D teknik transformasi.
- S32 Rajah S32 berikut menunjukkan contoh-contoh tayangan yang dihasilkan oleh projektor transparenasi. Pilih tayangan yang paling sesuai semasa pengajaran.



Rajah S32: Jenis Tayangan OHP

- S33 Semasa tayangan bahan pengajaran dengan menggunakan Powerpoint 2003, kekunci apakah yang boleh digunakan untuk *white off* layar tayangan untuk sementara dan disambung balik tayangan dengan kekunci yang sama.
- A Kekunci W.
 - B Kekunci P.
 - C Ctrl + F6.
 - D Alt + F1.
- S34 Sekiranya seseorang guru sedang menggunakan LCD untuk tayangan bahan Powerpointnya, dan ingin menggunakan layar yang sama untuk tayangan OHP selama seminit, apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh beliau berkenaan dengan tayangan LCD yang sedang digunakan itu supaya kualiti tayangan OHP tidak berkurangan.
- A Padamkan semua suiz bilik kuliah.
 - B Tekan kekunci B pada papankunci komputer.
 - C Padamkan suiz LCD untuk menghentikan tayangannya.
 - D Tekan kekunci "Alt + F9" untuk memindahkan tayangan dari komputer ke OHP.
- S35 Keseimbangan elemen dipengaruhi oleh aspek berikut kecuali
- A titik.
 - B vertikal.
 - C bentuk.
 - D hierarki.
- S36 Pembelajaran hari ini memerlukan pelajar mengenal pasti ciri-ciri haiwan berdarah sejuk. Guru yang terlibat telah memilih gambar pegun sebagai media dan disampaikan melalui video. Tindakan guru ini menunjukkan beliau melakukan pengkelasan media berasaskan pendekatan bahawa
- A perwakilan visual berkesan untuk pemahaman konsep.
 - B semakin realistik sesuatu bahan, semakin tinggi nilainya pada pembelajaran.
 - C pengalaman pelajar sebagai pemerhati dapat memanfaatkan aktiviti pembelajaran.
 - D mengenali ciri fizikal media lebih penting daripada terus menentukan peralatan dan bahan.



Rajah S37: Bahagian OHP

- S37 Kenyataan berikut adalah betul berdasarkan rajah S37 kecuali
- A projektor OHP adalah projektor yang mampu memancarkan cahaya dari mentol unjuran yang terletak di atas lantai projektor.
 - B cahaya akan memancar ke atas menerusi pentas kaca dan transparensi dan terus ke kanta unjuran.
 - C kanta akan mengumpul pancaran cahaya dari transparensi dan menayangkannya ke layar unjuran.
 - D lutsinar adalah media penapisan cahaya yang legap dan bertindak sebagai titik utama yang menyebarkan cahaya.
- S38 Model ARCS digunakan untuk memastikan bahan instruksi guru dapat mencapai matlamat berikut
- A memotivasikan pelajar untuk menyoal semasa proses pembelajaran.
 - B pengawalan masa yang efektif dan produktif semasa pengajaran.
 - C memotivasikan penumpuan pelajar yang berkekalan.
 - D membantu guru mencapai semua hasil pembelajaran yang dirancang.
- S39 Dalam Model ARCS, huruf "S" merujuk kepada
- A kepuasan pelajar.
 - B motivasi pelajar.
 - C pencapaian pelajar semasa pembelajaran.
 - D tindak balas pelajar semasa soal jawab.

- S40 Di dalam model ASSURE, huruf “S” yang kedua merujuk kepada
- A menyatakan objektif reka bentuk instruksi.
 - B memilih kaedah, saluran dan bahan untuk reka bentuk instruksi.
 - C membentuk kumpulan untuk reka bentuk instruksi.
 - D Mengenal pasti persekitaran pengajaran dan pembelajaran.
- S41 Semasa penghasilan sesuatu bahan pengajaran secara visual, perkara berikut perlu diberi perhatian kecuali
- A menggunakan teks yang paling minima.
 - B memuatkan beberapa konsep yang berkaitan pada sesuatu slaid.
 - C jangan menggunakan lebih daripada lima warna pada sesuatu paparan.
 - D menggunakan “rule-of-thirds” untuk meletakkan isi paparan pada sesuatu slaid.
- S42 Bahan multimedia perlu mengandungi sekurang-kurangnya komponen berikut
- A Grafik 3D, Animasi Teks, Video, Muzik dan Menu Arahkan.
 - B Teks, Grafik, Animasi, Video dan Audio.
 - C Grafik Vektor, Teks, Foto Digital, Muzik Midi dan Suara Latar.
 - D Lagu, Suara Latar, Menu Pilihan, Butang Pilihan dan Warna-warni.
- S43 Ali mengalami kesukaran menayang bahan Powerpointnya kerana memasukkan 20 keping gambar yang diambil dengan kamera digitalnya. Apakah cadangan anda kepada Ali berkenaan dengan kemasukan gambar dalam bahan Powerpoint agar kelajuan komputernya tidak terjejas.
- A Mengecilkan foto tersebut.
 - B Tidak meletakkan beberapa foto dalam slaid yang sama.
 - C Tidak mengambil foto yang mempunyai latar belakang yang kompleks.
 - D Mengurangkan resolusi foto digitalnya bersesuaian dengan resolusi monitor.
- S44 Cara yang paling berkesan untuk mengambil gambar satu pemandangan bandar diwaktu malam adalah
- A menggunakan lampu limpah.
 - B menggunakan filem jenis laju.
 - C mengambil gambar dari kenderaan bergerak.
 - D meletakkan kamera di atas kaki tripod pada satu tempat tinggi dengan menggunakan apertur ‘*B Stop*’.

S45 Kita perlu menggunakan lampu imbas atau *flash light* apabila mengambil gambar foto pada waktu malam kerana

- A kekurangan cahaya
- B gambar akan lebih menarik.
- C dapat mengambil gambar dari jarak jauh.
- D untuk menambahkan lagi kekuatan cahaya yang sedia ada.

S46 Manakah daripada peralatan di bawah bukan aksesori Kamera Pegun.

- A Filem
- B 'Shutter Release Cabel '
- C Kanta Makro
- D Saring 'Close-Up'

S47 Semasa menggunakan *flip chart*, kenyataan berikut merupakan amalan yang baik kecuali

- A bercakap dengan menghala ke arah *flip chart* yang sedang digunakan.
- B pastikan setiap helaian dituliskan nombor dan ringkasan bahan.
- C helaian terakhir *flip chart* digunakan untuk ringkasan/kesimpulan pengajaran.
- D menutup helaian *flip chart* dengan sehelai kertas kosong untuk mengalih tumpuan pelajar.

S48 Anda sedang mereka bentuk skrin untuk perisian e-modul dan anda perlu mengelakkan daripada perkara-perkara berikut kecuali

- A memuatkan teks sebanyak mungkin pada sesuatu skrin.
- B menggunakan *scrolling text* untuk menjimatkan ruang reka bentuk skrin.
- C menggunakan saiz dan tulisan yang sama di setiap ruang pada reka bentuk skrin.
- D menggunakan ikon-ikon yang pelbagai bentuk dan jenis untuk menyusun maklumat.

S49 Prinsip utama yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan media ialah

- A analisis latar belakang dan stail pembelajaran pelajar.
- B kekangan dalam pelaksanaan seperti faktor ruang dan peralatan.
- C kaedah pengajaran sama ada pengajaran berkumpulan atau sendiri.
- D potensi media bagi melaksanakan objektif pembelajaran dengan berkesan.

S50 Berikut merupakan konsep Pusat Sumber Sekolah kecuali

- A tempat mengumpul, memproses, membina dan mengedarkan bahan-bahan bercetak.
- B merupakan nadi penggerak dalam perkembangan kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah.
- C segala kemudahan dan perkhidmatan penggunaan alatan dengan perancangan yang sistematik diberikan.
- D tidak melibatkan aktiviti berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

S51 Berikut merupakan ciri Pusat Sumber Elektronik, kecuali

- A mesra pengguna.
- B mempunyai unsur-unsur statik.
- C maklumat boleh dicapai pada bila-bila masa.
- D mempunyai kawalan pengguna yang tinggi.

S52 *Storyboard* adalah penting dalam menghasilkan sesuatu persembahan audio visual. ttbbbbbb Pada pandangan anda, aktiviti manakah dari senarai berikut yang memerlukan *Storyboard*?

- A Fotografi, Drama dan Filem Loop.
- B Carta, Fotografi dan Wayang Kulit.
- C Pita slaid, Wayang Kulit dan Carta.
- D Fotografi, Pita Slaid dan Filem Loop.

S53 Semasa reka bentuk dan integrasi grafik di dalam bahan persembahan, langkah-langkah berikut dapat diaplikasikan untuk memastikan keseimbangan paparan.

- I Gunakan bilangan elemen yang genap.
- II Meletakkan teks di dalam kotak atau latar belakang teks yang berwarna.
- III Imej yang gelap dikelilingi oleh ruangan putih atau kotak berwarna putih
- IV Gunakan dua grafik yang bersaiz besar untuk keseimbangan tidak simetri.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III Sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S54 Model ADDIE merupakan salah satu model reka bentuk pengajaran yang biasa digunakan bagi menghasilkan Pembelajaran Berbantu Komputer (PBK) yang mesra pengguna. Susunkan langkah yang disenaraikan di bawah ini mengikut urutan yang betul dalam model ADDIE.

- I Analisis.
- II Pembangunan.
- III Penilaian.
- IV Reka Bentuk.
- V Pelaksanaan.

- A I, II, III, IV dan V.
- B I, III, IV, II dan V.
- C I, IV, II, V dan III.
- D I, II, IV, V dan III.

S55 Semasa rakaman video untuk penerbitan bahan pengajaran, amalan praktikal berikut digalakkan untuk mengelakkan kekurangan bahan semasa proses mengedit.

- I Menyediakan *storyboarding* video terlebih dahulu.
- II Mengambil rakaman *long-shot*, *medium-shot* dan *close-up* untuk setiap komposisi.
- III Melakukan rakaman *zoom in* dan *zoom out* sepanjang rakaman.
- IV Mengamalkan teknik *pending left* dan *pending right* selama 20 minit setiap rakaman.


- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV.

S56 Perisian Pembelajaran Berbantu Komputer (PBK) mempunyai beberapa kekurangan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran. Antara kekurangannya ialah

- I aktiviti yang terlalu menyeronokkan menghalang fokus pembelajaran.
- II pembinaan PBK memerlukan kepakaran dan kos yang tinggi.
- III PBK melibatkan interaktiviti yang tinggi.
- IV penggunaan PBK memerlukan spesifikasi perkakasan yang tinggi dan lebih mahal harganya.

- A I sahaja.
- B I dan II sahaja.
- C II dan III sahaja.
- D II dan IV sahaja.

Rajah S57 merujuk kepada rajah S57.



Rajah S57: Pembahagian Whiteboard semasa sesi pengajaran dan Pembelajaran

S57 Kelebihan pembahagian yang ditunjukkan oleh rajah S57 mempunyai kelebihan berikut

- I Tajuk, tarikh dan maklumat kekal boleh ditulis di bahagian M
- II Membaiki tulisan guru dan memaparkan tulisan yang lurus.
- III Penggunaan bahagian-bahagian yang bergilir-gilir memberi masa untuk pelajar menyalin.
- IV Grafik yang ingin digunakan sebagai sumber perbincangan boleh diletakkan di bahagian O dan bahagian N dan P boleh digunakan untuk teks yang berkaitan.

- A I, II dan III sahaja.
- B II, III dan IV sahaja.
- C I, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S58 dan S59 merujuk kepada Jadual S58.

Jadual S58 : Padankan Istilah Fotografi dengan Penjelasan yang sesuai.

ISTILAH		PENJELASAN
(F) <i>Sunny-sixteen rule</i>	PADANKAN	(M) mengambil gambar dari sudut yang sentiasa sama
(G) <i>Rule of Third</i>		(N) merujuk kepada panduan penetapan apertur semasa waktu cerah.
(H) <i>Bull eye syndrom</i>		(O) kaedah menetapkan lokasi terbaik bagi subjek yang ingin dirakam di dalam gambar foto.
(I) <i>depth-of-field</i>		(P) jarak di antara objek yang terdekat dengan objek paling jauh di mana subjeknya berada di dalam jarak fokus.

S58 *Sunny-Sixteen rule* merujuk kepada

- A M..
- B N.
- C O.
- D P.

S59 *Bull eye syndrom* merujuk kepada

- A M.
- B N.
- C O.
- D P.

S60 Semasa reka bentuk bahan Powerpoint untuk dijadikan bahan pengajaran, perkara berikut perlu diberi tumpuan.

- I Keseragaman *slide* yang direka bentuk.
- II Jumlah maklumat pada setiap slide mengikut panduan asas 1-6-6.
- III Gunakan warna yang *complementary* untuk teks dan latar belakang.
- IV Gunakan warna yang *analogous* untuk latar belakang yang lebih dari satu warna.
- V Gunakan *rule of third* untuk memposisikan animasi.

- A I dan II sahaja.
- B I, II, III dan IV sahaja.
- C II, III, IV dan V sahaja.
- D I, II, III, IV dan V.